

PENDAKWA RAYA v TAN CHEE SEONG DAN SATU LAGI

Case Analysis

[2021] MLJU 1695

Pendakwa Raya lwn Tan Chee Seong dan satu lagi [2021] MLJU 1695

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM)

MOHD YAZID MUSTAFA H

PERBICARAAN JENAYAH NO BA-45A-54-08 TAHUN 2020

25 August 2021

*Mary Phoon Keat Mee (Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor) bagi pihak pendakwaan.
James George Chelliah (James George & Co) bagi pihak OKT pertama.
Sivananthan (Low Huey Theng bersamanya) (Sivananthan) bagi pihak OKT kedua.*

Mohd Yazid Mustafa H:

ALASAN PENGHAKIMAN

[1]Tan Chee Seong (selepas ini dirujuk sebagai “OKT1”) dan Ng Geok Sing (selepas ini dirujuk sebagai “OKT2”) telah dituduh atas kesalahan memperedarkan dadah berbahaya, satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234] yang boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama, yang mana pertuduhan ke atas OKT1 dan OKT2 adalah seperti berikut;

“Bahawa kamu pada 27.09.2019 jam lebih kurang 2.30 petang, bertempat di hadapan pasar raya KK Supermart, Jalan Gasing, Seksyen 10, Petaling Jaya, dalam Daerah Petaling dalam Negeri Selangor Darul Ehsan bagi mencapai niat bersama kamu telah mengedar dadah berbahaya iaitu methamphetamine seberat 1458.6 gram dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum dibawa Seksyen 39B(2) Akta yang sama dan dibaca bersama dengan seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[2]Pihak pendakwaan telah memanggil seramai enam (6) orang saksi iaitu Sjn Sham bin Abdullah (SP1 - Jurustor), Mohd Azhan bin Md Deros (SP2 -Ahli Kimia), Insp Muhammad Zaini bin Abd Halim (SP3 - Pegawai Serbuan), Sjn Mohd Nairn bin Marzuki(SP4- Anggota Forensik), Insp Nazi bin Abdullah (SP5- PegawaiForensik),Insp Darwis bin Aripin (SP6- Pegawai Penyiasat) .

[3]Berasaskan keterangan saksi-saksi pendakwaan dan ekshibit-ekshibit yang dikemukakan, kes pihak pendakwaan dapat diringkaskan seperti berikut.

FAKTA KES

[4] Pada 27.9.2019, jam lebih kurang 10:50 pagi, semasa SP3 bertugas sebagai Inspektor Risikan di Sahagian Risikan, Siasatan Jenayah Narkotik, IPK Selangor, SP3 telah terima maklumat berkaitan dengan aktiviti pengedaran dadah oleh satu kumpulan lelaki berbangsa Cina di kawasan tempat letak kenderaan berhampiran dengan kedai makan Ipoh Chicken Rice dan KK SuperMart, Jalan Gasing, Petaling Jaya, Selangor yang biasa menggunakan kereta jenis Nissan X-Trail berwarna perak dengan nombor pendaftaran PGY 6811.

[5] Berasaskan maklumat tersebut, SP3 telah mengadakan satu taklimat penugasan operasi kepada pegawai dan anggota serbuan yang terdiri daripada anggota Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, IPK Selangor. SP3 kemudiannya membahagikan anggota serbuan kepada 3 kumpulan, yang mana kumpulan pertama diketuai oleh SP3 sendiri.

[6] Setelah taklimat selesai, SP3 dan pasukan serbuan bergerak ke kawasan operasi iaitu Jalan Gasing, Seksyen 10, Petaling Jaya dari pejabat.

[7] Pada 27.9.2019, jam lebih kurang 1:55 petang, SP3 bersama pasukan serbuan telah sampai di kawasan lokasi tersebut. Setelah membuat tinjauan di kawasan tersebut, SP3 dapat mengesan kereta jenis Nissan X-trail berwarna perak dengan nombor pendaftaran PGY 6811 berada di tempat letak kereta berhadapan kedai Dominos Pizza, Jalan Gasing tetapi tiada orang di dalam kereta itu.

[8] Seterusnya SP3 dan pasukannya telah mengambil tempat bertentangan kedai KK SuperMart. SP3 mengarahkan Pasukan kedua mengambil tempat bertentangan dengan kedai Dominos Pizza manakala Pasukan ketiga mengambil tempat bertentangan kedai makan Ipoh Chicken Rice.

[9] Pada jam lebih kurang 2:15 petang, dari jarak 15 meter dari tempat SP3 dan pasukannya berada, SP3 nampak terdapat tiga (3) lelaki Cina duduk di meja di luar kedai makan Ipoh Chicken Rice, di mana Tan Chee Siang ("OKT1"), Ng Geok Sing ("OKT2") sedang duduk bersama di satu meja, manakala Low Tiam Ting ("Low") duduk berseorangan di satu meja yang lain.

[10] Dari tempat SP3 dan pasukannya berada, SP3 juga boleh nampak dengan jelas kereta Nissan PGY 6811 di mana jarak beliau dengan kereta tersebut adalah lebih kurang 10 meter. Manakala jarak antara SP3 dengan kedai KK SuperMart adalah lebih kurang 5 meter.

[11] Lima belas (15) minit selepas itu, SP3 nampak OKT1 telah berjalan menghala ke kereta jenis Nissan PGY 6811 yang letak di tempat letak kenderaan berhadapan kedai Dominos Pizza, Jalan Gasing dan selepas itu SP3 melihat OKT1 membuka bonet belakang kereta tersebut, lalu mengambil satu kotak (P2).

[12] Pada masa yang sama, SP3 juga nampak OKT2 berjalan menuju ke tempat OKT1 dan apabila OKT2 sampai di tempat OKT 1 iaitu di bahagian belakang kereta Nissan PGY 6811, OKT1 kemudiannya telah menyerahkan kotak yang ambil daripada bonet belakang kereta tersebut (P2) kepada OKT2. OKT 2 setelah mengambil kotak (P2), OKT2 berjalan semula menghala ke kedai KK Supermart & Store.

[13] Semasa OKT 2 dalam perjalanan menghala ke kedai KK Supermart & Store, SP3 telah memberi arahan kepada Pasukan kedua untuk membuat tangkapan ke atas OKT1. SP3 turut memberi arahan kepada Pasukan ketiga dan anggotanya untuk membuat tangkapan ke atas Low yang berada di meja di luar kedai makan Ipoh Chicken Rice. Pada masa yang sama SP3 bersama dengan Pasukannya terus menyerbu dan menghampiri OKT2 dan semasa SP3 menyerbu dan menghampiri OKT2, beliau nampak OKT2 telah melepaskan kotak (P2) yang dipegang olehnya dengan tangan kiri ke tanah.

[14] Apabila SP3 menghampiri OKT2 yang ketika itu berada di hadapan kedai KK Supermart & Store, SP3 telah memperkenalkan dirinya sebagai pegawai polis. SP3 nampak kotak (P2) yang dilepaskan oleh OKT2 masih berada di atas tanah. SP3 kemudiannya telah merampas kotak tersebut dan mendapati kotak tersebut berwarna coklat bertulisan “Sea Master”, dalam keadaan baik dan bertutup.

[15] SP3 telah menjalankan pemeriksaan badan ke atas OKT2 dan tidak menjumpai apa-apa barang yang salah.

[16] Pada masa yang sama, OKT1 dan Low telah dibawa oleh Pasukan kedua dan Pasukan ketiga ke tempat OKT2 ditangkap. SP3 seterusnya mengarahkan O/SM 121631 Emran menjalankan pemeriksaan badan ke atas OKT1 dan Low tetapi tidak menjumpai apa-apa barang salah.

[17] SP3 mendapati kesemua yang ditangkap iaitu OKT1, OKT2 dan Low pada masa itu kelihatan dalam keadaan ketakutan dan mendiamkan diri sahaja.

[18] Seterusnya, SP3 telah menjalankan pemeriksaan ke atas kotak P2 di hadapan OKT1, OKT2, Low Tian Ting dan pasukan serbuan. Hasil pemeriksaannya, SP3 mendapati di dalam kotak tersebut terdapatnya dua bungkusan plastik Teh Cina berwarna hijau yang masing-masing bertulisan “Chinese Pin Wei”. Apabila SP3 membuka kedua-dua bungkusan plastik tersebut, SP3 mendapati di dalamnya mengandungi bungkusan plastik berisi dengan bahan yang disyaki dadah jenis syabu dalam bentuk ketulan yang dibalut dengan plastik lutsinar.

[19] SP3 juga ada membuat pemeriksaan ke atas kereta jenis Nissan PGY 6811 tetapi tidak menjumpai apa-apa barang yang salah.

[20] Kesemua tangkapan dan barang kes telah dibawa balik oleh SP3 ke pejabat Sahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Bandar Utama, Petaling Jaya.

[21] Apabila sampai di pejabat Narkotik Bandar Utama, SP3 telah menyusun kesemua barang kes yang dirampas dalam bilik mesyuarat. SP3 juga telah membuat penimbangan dan penandaan ke atas kesemua barang kes yang dirampas di tempat kejadian dengan kehadiran OKT1, OKT2 dan Low Tian Ting. Kemudiannya SP3 telah membuat satu laporan polis, menyediakan sesalinan borang senarai geledah dan borang serah menyerah.

[22] Pada 27.9.2019, jam lebih kurang 5:45 petang, SP3 telah menyerahkan kesemua barang kes, dokumentasi dan juga OKT1, OKT2 serta Low Tian Ting kepada pegawai penyiasat iaitu Inspektor Darwis bin Aripin (SP6).

[23] Pada 30.9.2019, SP6 telah menghantar barang kes dadah ke Jabatan Kimia untuk dianalisa oleh SP2. Hasil analisa terhadap dadah tersebut, SP2 mendapati ianya adalah dadah berbahaya jenis *Methamphetamine* dengan jumlah berat bersih sebanyak 1458.6 gram.

[24] Hasil semakan dengan pihak JPJ Negeri Selangor, SP6 mendapati pemilik berdaftar kereta jenis Nissan X-Trail berwarna perak dengan nombor pendaftaran PGY 6811 adalah Ong Lee Chin.

[25] SP6 juga telah pergi ke tempat kejadian dan mendapati rakaman CCTV di kedai makan Ipoh Chicken Rice pada hari kejadian tidak berfungsi. SP6 mendapati adanya enam belas (16) buah CCTV di kedai KK Mart, di mana empat belas (14) CCTV berada di dalam kedai KK mart dan dua (2) lagi berada di bahagian luar kedai KK SuperMart. SP6 telah mengambil salah satu rakaman CCTV di bahagian luar dan telah

menghantar rakaman tersebut ke makmal forensik untuk di analisa oleh SP5. Hasil analisis oleh SP5 terhadap rakaman CCTV tersebut, terdapatnya tujuh (7) imej wajah individu (OKT2) bersama dengan kotak yang berjaya dikeluarkan, yang menunjukkan iaitu OKT2 membawa satu kotak berwarna coklat dan berjalan melalui kedai KK SuperMart, dan kemudian kotak tersebut telah dilepaskan dari tangan OKT2 ke tanah dan selepas itu OKT 2 ditangkap oleh SP3 bersama dengan pasukan serbuannya.

BEBAN PEMBUKTIAN PENDAKWAAN DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[26]Beban pembuktian di akhir kes pendakwaan bagi suatu percicaraan oleh pihak pendakwaan adalah untuk membuktikan satu kes *prima facie* sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 180 Kanun Tatacara Jenayah (“KTJ”) masing-masing seperti berikut:

- (1) *Apabila kes pendakwaan ditutup, Mahkamah hendaklah menimbang sama ada pendakwa telah membuat suatu kes prima facie terhadap tertuduh.*
- (2) ...
- (3) ...
- (4) *Bagi maksud seksyen ini, suatu kes prima facie adalah dibuat terhadap tertuduh di mana pendakwa telah mengemukakan keterangan kukuh yang membuktikan setiap satu faktor kesalahan yang jika tidak dipatahkan atau diterangkan akan wajarkan suatu sabitan.*

[27]Dalam kes *Balachandran v PP* [2005] 1 CLJ 85, **HMP** Augustine Paul telah juga memperjelaskan maksud “prima facie” seperti berikut:

“... a prima facie case is therefore one that is sufficient for the accused to be called upon to answer. This in turn means that the evidence adduced must be such that it can be overthrown only the evidence in rebuttal. The phrase “prima facie case” is defined in similar terms in Mozley and Whiteley’s Law Dictionary, 11th edn as:

“a litigating party is said to have a prima facie case when the evidence in his favour is sufficiently strong for his opponent to be called on to answer it. A prima facie case, then, is one which is established by sufficient evidence, and can be overthrown only by rebutting evidence adduced by the other side.”

The result is that the force of the evidence adduced must be such that, if un rebutted, it is sufficient to induce the court to believe in the existence of the facts stated in the charge or to consider its existence so probable that a prudent man ought to act upon the supposition that those facts exist or did happen . ..In order to make a finding either way the court must, at the close of the case for the prosecution, undertake a positive evaluation of the credibility and reliability of all the evidence adduced so as to determine whether the elements of the offence have been established ...”

[28]Berdasarkan seksyen 180 KTJ dan kes *Balachandran*, Mahkamah dikehendaki untuk membuat penilaian positif terhadap kredibiliti dan kebergantungan semua keterangan sama ada melalui saksi atau ekshibit yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan bagi menentukan sama ada elemen-elemen pertuduhan telah dibuktikan, dalam perkataan lain, “so probable that a prudent man ought to act upon that the supposition that those facts exist or did happen”.

ELEMEN PERTUDUHAN

[29]Elemen-elemen pertuduhan yang perlu dibuktikan oleh pihak Pendakwaan bagi kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 adalah seperti berikut:

- (a) Dadah yang dijumpai dalam kotak (P2) adalah dadah berbahaya jenis *Methamphetamine* dengan berat bersih 1458.6 gram,
- (b) Dadah yang dijumpai dalam kotak (P2) ada dalam milikan OKT1 dan OKT2;
- (c) OKT1 dan OKT2 telah melakukan perbuatan memperedarkan dadah tersebut; dan

(d) OKT1 dan OKT2 mempunyai niat bersama untuk melakukan kesalahan tersebut.

ANALISA DAN DAPATAN MAHKAMAH ELEMEN PERTAMA PERTUDUHAN

[30] Berdasarkan hujahan bertulis dan lisan Peguambela OKT1 dan OKT2, saya mendapati Peguambela OKT1 dan OKT2 tidak mempertikaikan bahawa elemen pertama pertuduhan iaitu dadah yang dirampas ditempat kejadian adalah dadah berbahaya jenis methamphetamine dengan jumlah berat bersih seberat 1458.6 gram, yang mana mathemphatemine adalah jenis dadah yang disenaraikan dalam jadual pertama Akta Dadah Berbahaya 1952.

[31] Saya mendapati ahli kimia adalah seorang saksi yang kredibel dan keterangannya diterima oleh Mahkamah.

[32] Justeru itu saya mendapati elemen pertama pertuduhan telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

ELEMEN KEDUA PERTUDUHAN- MILIKAN

[33] Undang-undang adalah mantap bahawa elemen yang penting untuk mewujudkan milikan terhadap sesuatu objek adalah elemen kawalan (control), jagaan (custody) serta pengetahuan (knowledge).

[34] Berbalik kepada kes ini, fakta kes menunjukkan selepas lima belas (15) minit SP3 membuat pemerhatian di tempat kejadian, SP3 nampak OKT 1 berjalan dari meja tempat duduknya menghala ke kereta Nissan X-trail No. PGY 6811 yang terletak di tempat letak kenderaan berhampiran kedai Dominos Pizza, Jalan Gasing dan telah membuka bonet belakang kereta tersebut dan mengambil satu kotak (P2).

[35] Pada masa yang sama SP3 nampak OKT 2 telah berjalan menuju ke tempat OKT 1 yang ketika itu sedang berada di belakang kereta Nissan X-trail tersebut.

[36] Seterusnya SP3 nampak OKT1 kemudiannya telah menyerahkan kotak yang diambil (P2) dari bonet belakang kereta tersebut kepada OKT 2 dengan tangannya.

[37] SP3 seterusnya selepas itu nampak OKT2 telah berjalan ke arah kedai KK supermart dan kemudiannya SP3 dan pasukannya telah menyerbu dan menangkap OKT2. Semasa SP3 dan anggotanya menyerbu ke arah OKT2, SP3 nampak OKT2 telah melepaskan kotak (P2) yang dipegangnya ke atas tanah.

[38] Atas arahan SP3, pasukan kedua telah menyerbu ke arah OKT1 dan berjaya menangkap OKT1 yang ketika itu berada di hadapan Dominos Pizza. Pasukan ketiga juga telah menyerbu dan menangkap Low Tian Ting yang berada di meja luar kedai makan Ipoh Chicken Rice.

[39] Semasa OKT 1 ditangkap, kunci kereta Nissan No. PGY 6811 berada dalam milikan OKT1.

[40] Berasaskan fakta di atas, isu pertama yang perlu diputuskan ialah samada elemen-elemen kawalan (control) dan jagaan (custody) telah dibuktikan?

[41] Berasaskan hujahan bertulis pihak-pihak, Timbalan Pendakwa Raya menghujahkan kedua-dua elemen tersebut telah dibuktikan. Sebaliknya pihak Pembelaan menghujahkan kedua-dua elemen tersebut telah gagal dibuktikan.

[42] Jawapan samada kedua-dua elemen tersebut telah dapat dibuktikan atau tidak, ianya adalah wajar pada peringkat ini untuk Mahkamah merujuk kepada beberapa kes.

[43] Dalam kes *Leow Nghee Lim v Reg* [1956] 22 MLJ 28 mentakrifkan jagaan (custody) dan kawalan (control) seperti berikut;

“Custody means having care or guardianship; goods in custody are in the care of the custodian and, by necessary implication, he is taking care of them on behalf of someone else. You cannot take care of goods unless you know where they are and have the means of exercising control over them. Custody therefore implies knowledge of the existence and whereabouts of the goods and power of control over them, not amounting to possession.

Custody likewise may be sole or joint and it has the same element of excluding others. The main distinction between custody and possession is that a custodian has not the power of disposal. The statement that “possession must be exclusive” is often due to confusion of the fact to be proved with the evidence by which it is to be proved. It is essential to keep this distinction clearly in mind, especially when applying presumptions.

Control must be proved as a fact and it must arise from the relation of the person to the goods, irrespective of whether they are contraband. An example may make this clearer. Suppose that one of the assistants in this case smoked a particular brand of tobacco, not sold in the shop and to the knowledge of the accused, kept it in that drawer. No doubt the accused could, at any time, tell the assistant to keep his tobacco somewhere else. He could resume possession of drawer. But so long as he allowed the assistants to keep their small personal things in the drawer, the things were in their control, not his. He could not reasonably order them to throw away harmless tobacco, consistently with the existing arrangement. The argument for control is based solely on the contraband nature of the thing - not on the circumstances in which it was kept.”

[44] Dalam kes *PP v Tan Tatt Eek* [2005] 4 CLJ 460, fakta kes menunjukkan ketika OKT ditangkap beliau sedang membimbit satu beg plastik didalamnya mengandungi dua bungkus berisikan dadah berbahaya. Berasaskan fakta ini, Mahkamah Persekutuan mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa OKT mempunyai jagaan dan kawalan ke atas beg plastik yang mana didalamnya mengandungi dadah berbahaya.

[45] Berasaskan kepada fakta kes yang dinyatakan di atas, dan berpandukan kepada otoriti-otoriti yang dirujuk di atas, saya berpuas hati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa OKT1 dan OKT2 mempunyai kawalan dan jagaan ke atas kotak P2, di dalamnya mengandungi dadah berbahaya.

PENGETAHUAN

[46] Semasa kes pihak pendakwaan, OKT 1 dan OKT 2 telah membangkitkan pembelaan bahawa mereka tidak mempunyai pengetahuan ke atas dadah yang ditemui dalam kotak (P2) dan mereka menyatakan kotak tersebut (P2) adalah kotak kepunyaan Low Tian Ting.

[47] Berasaskan kepada keterangan saksi-saksi pendakwaan dan eksibit-eksibit yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, saya mendapati saksi Low Tian Ting adalah saksi material dan penting untuk dipanggil oleh pihak pendakwaan kerana banyak persoalan-persoalan fakta yang ditimbulkan oleh pihak pembelaan, melalui pemeriksaan balas saksi-saksi pendakwaan dalam kes ini tidak terjawab, antara lain, iaitu:

- i. Apakah sebenarnya tujuan OKT1, OKT2 dan Low Tian Ting pergi ke kedai makan Ipoh Chicken Rice.
- ii. Siapakah yang sebenarnya mengajak OKT1 dan OKT2 ke kedai makan Ipoh Chicken Rice.
- iii. Adakah OKT1 dan OKT2 berada di meja yang sama, manakala Low Tian Ting berada di meja berasingan di luar kedai makan Ipoh Chicken Rice sebagaimana keterangan SP3 atau kesemua mereka berada di satu meja sepertimana cadangan pembelaan?
- iv. Apakah sebenarnya yang dibincangkan oleh OKT1, OKT2 dan Low Tian Ting di meja tersebut sebelum OKT1 dan OKT2 pergi ke kereta dan kemudiannya ditangkap?

- v. Adakah sebenarnya Low Tian Ting telah mengarahkan OKT1 pergi mengambil kotak (P2) di Pandan Perdana dan membawa ke restoran tersebut sebagaimana cadangan peguambela OKT1.
- vi. Adakah OKT1 diberitahu kotak tersebut mengandungi teh cina ataupun dadah oleh Low Tian Ting?
- vii. Adakah kotak tersebut di bawa oleh OKT1 dan sebenarnya sudah berada di dalam kereta Nissan No. PGY 6811 sebelum OKT1 di tangkap oleh pihak Polis?
- viii. Adakah Low Tian Ting mengarahkan OKT2 untuk mengambil kotak tersebut daripada OKT 1 bagi pihak beliau?
- ix. Selepas OKT1 dan OKT2 beredar dari kedai makan Ipoh Chicken Rice menuju ke kereta, mengapakah Low Tian Ting masih duduk di meja diluar kedai makan Ipoh Chicken Rice.
- x. Samada Low Tian Ting masih duduk di kedai makan Ipoh Chicken Rice menunggu ketibaan OKT 2 bersama kotak P2.
- xi. Samada kotak tersebut kepunyaan Low Tian Ting.
- xii. Samada OKT2 mengenali OKT1 sebelum mereka ditangkap.

[48] Saya mendapati bahawa kehadiran Low Tian Ting adalah penting untuk disoal balas bagi merungkaikan persoalan-persoalan yang timbul di perenggan 47.

[49] Undang-undang adalah mantap bahawa pihak pendakwaan berkewajipan untuk memanggil kesemua saksi yang material bagi membuktikan kes tanpa keraguan munasabah.

[50] Keperluan pihak pendakwaan untuk memanggil saksi penting Low Tian Ting, juga adalah berlandaskan prinsip bahawa pihak pendakwaan hendaklah sentiasa bersikap adil dan perlu mengemukakan kesemua keterangan yang boleh membantu Mahkamah mencapai keadilan.

[51] Saya mendapati ekoran kegagalan pihak pendakwaan memanggil Low Tian Ting sebagai saksi pendakwaan membangkitkan anggapan yang bertentangan di bawah seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950. (rujuk kes *Formi Afta Bin Ahmad & Anor v PP* [2015] 1 MLJ 838 dan *Kunalan a/l Kandasamy v PP* [2014] 3 MLJ 266)

[52] Saya mendapati ekoran kegagalan pihak pendakwaan memanggil Low Tian Ting sebagai saksi pendakwaan juga telah menimbulkan kelompangan di dalam kes pihak pendakwaan (rujuk kes *Abdullah Zawawi Omar v PP* [1985] CLJ Rep 19).

SIASATAN POLIS YANG TIDAK MEMUASKAN

[53] Siasatan pihak polis yang tidak memuaskan turut menjejaskan kes pihak pendakwaan.

[54] Semasa dalam tahanan reman, OKT 2 telah membuat laporan polis (D19) yang menjelaskan keadaan tangkapan beliau dan pembelaan OKT2 secara terperinci. OKT 2 dalam laporan polisnya menyatakan beliau tidak mempunyai pengetahuan tentang dadah yang disembunyikan dalam kotak P2 dan beliau pergi mengambil kotak tersebut dari OKT1 atas arahan Low Tian Ting. Pegawai penyiasat (SP6) mengesahkan bahawa beliau telah menerima D19 tetapi beliau langsung tidak mengambil sebarang langkah atau usaha untuk menyiasat kebenaran kandungan D19 (seperti merakam percakapan lanjut OKT1, OKT2, Low Tian Ting dan SP3).

[55] Semasa serbuan, SP3 juga telah merampas dan menyita sembilan (9) telefon bimbit daripada OKT1, OKT2 dan Low Tian Ting. SP3 telah menyerahkan kepada Pegawai Penyiasat (SP6) sepertimana yang

tertera dalam borang serah terima barang kes (ekshibit P14), namun tiada sebarang usaha di ambil oleh SP6 untuk menghantar telefon-telefon tersebut ke Pejabat Forensik untuk dianalisa, meskipun kepentingan siasatan ke atas kesemua telefon bimbit tersebut telah dinyatakan dengan jelas dalam surat Tetuan Sivananthan yang diakui terima oleh SP6.

[56]Kegagalan SP6 menghantar kesemua telefon ke Pejabat Forensik, ianya telah memprejudiskan OKT-OKT kerana mana-mana telefon bimbit kemungkinan mengandungi maklumat atau mesej yang boleh menunjukkan transaksi penjualan atau tempahan dadah telah dilakukan oleh OKT1, OKT2 atau Low Tian Ting. Sekiranya kesemua telefon bimbit di hantar ke Pejabat Forensik untuk di analisa, dari log panggilan kesemua telefon bimbit, ianya juga berkemungkinan akan menunjukkan apakah bentuk komunikasi di antara OKT1, OKT2 dan Low Tian Ting sebelum tangkapan. Ianya juga dapat mengesahkan pembelaan OKT1 bahawa beliau tidak pada bila-bila masa menghubungi OKT2 sebelum ditangkap dan sebaliknya. Ianya juga dapat mengesahkan samada OKT1 dan OKT2 mempunyai hubungan atau kaitan sebelum ditangkap.

[57]Terdapat dua (2) CCTV di luar kedai KK SuperMart yang menunjukkan dua arah yang berbeza (rujuk gambar 018 (11 & 12)) dan CCTV di luar kedai makan Ipoh Chicken Rice. CCTV sebagaimana gambar D18 (11) menunjukkan keadaan di luar kedai makan Ipoh Chicken Rice, manakala CCTV sebagaimana gambar D18 (12) menunjukkan keadaan di hadapan KK SuperMart. Tindakan Pegawai Penyiasat yang tidak memuat turun rakaman CCTV yang menunjukkan keadaan luar kedai makan Ipoh Chicken Rice, jelas memprejudiskan OKT1 dan OKT2 kerana sekiranya rakaman CCTV tersebut dimuat turun, ia boleh menunjukkan keadaan di luar kedai makan Ipoh Chicken Rice sebelum serbuan, semasa serbuan dan selepas serbuan. Ianya juga boleh membuktikan samada versi SP3 yang menyatakan bahawa Low Tian Ting duduk berasingan dan versi OKT-OKT yang menyatakan bahawa Low Tian Ting duduk bersama OKT-OKT.

[58]Saya juga bersetuju dengan hujahan Peguam OKT2 bahawa rakaman CCTV yang dikemukakan di Mahkamah adalah tidak lengkap (rujuk ekshibit P17 C) yang mana Pegawai Penyiasat hanya memuat turun rakaman CCTV beberapa ketika sebelum dan sehingga saat OKT2 di tangkap sahaja. Keterangan menunjukkan selepas OKT2 ditangkap, OKT1 dan Low Tian Ting telah dibawa ke tempat OKT2 di tangkap. Sekiranya rakaman CCTV penuh/rakaman CCTV yang lebih panjang dikemukakan ianya akan menunjukkan bagaimanakah pemeriksaan dan reaksi tingkah laku OKT1, OKT 2 dan Low Tian Ting pada masa tersebut.

[59]Walaupun terdapat satu CCTV diluar kedai makan Ipoh Chicken Rice, sepertimana yang ditunjukkan di dalam gambar ekshibit D18 (7 & 8), namun CCTV tersebut tidak dimuat turun oleh Pegawai Penyiasat SP6. SP6 menyatakan CCTV diluar kedai makan Ipoh Chicken Rice adalah tidak berfungsi pada hari kejadian. Saya bersetuju dengan hujahan Peguam OKT 2 bahawa alasan yang diberi oleh SP6 tidak disokong oleh mana-mana dokumentasi atau mana-mana pekerja kedai makan Ipoh Chicken Rice walaupun SP6 ada merakamkan percakapan pekerja kedai makan Ipoh Chicken Rice. Adalah lebih jelas bahawa CCTV diluar kedai makan Ipoh Chicken Rice amat penting kerana ia boleh menunjukkan pergerakan OKT1, OKT2 dan Low Tian Ting sebelum dan selepas OKT1 dan OKT2 ditangkap.

[60]Kegagalan Pegawai Penyiasat menjalankan siasatan yang menyeluruh sebagaimana yang digariskan di atas, ianya bukan sahaja memprejudiskan kes pihak pendakwaan, tetapi ianya juga telah menyebabkan wujudnya kelompongan dalam kes pihak pendakwaan.

KELAKUAN (CONDUCT)

[61]Timbalan Pendakwa Raya menghujahkan tindakan OKT2 yang melepaskan kotak P2 ke tanah semasa

SP3 dan pasukannya menyerbu ke arah OKT2, hanya membawa satu inferens sahaja iaitu OKT2 mempunyai pengetahuan terhadap kandungan dalam kotak P2.

[62]Daripada rakaman CCTV (ekshibit P17C) ianya jelas menunjukkan bahawa selepas OKT2 mengambil kotak P2 daripada OKT1 sehingga beliau ditangkap oleh SP3, dalam tempoh durasi 2 minit, saya mendapati OKT2 berkelakuan biasa sahaja. OKT2 tidak kelihatan mencurigakan, takut atau panik selepas beliau mengambil kotak tersebut (P2) daripada OKT1 dan juga tiada pergelutan berlaku apabila serbuan dilakukan.

[63]Meneliti rakaman CCTV tindakan OKT2 yang melepaskan kotak P2 ke tanah sebaik sahaja beliau diserbu oleh SP3 dan pasukannya tidak mewajarkan untuk saya membuat kesimpulan bahawa OKT2 mempunyai pengetahuan mengenai dadah yang ditemui dalam kotak P2. Reaksi OKT2 yang melepaskan kotak apabila diserbu oleh SP3 dan adanya anggota serbuan memiliki senjata pistol, ianya adalah satu tingkah laku yang boleh berlaku pada mana-mana orang secara tidak sengaja, lebih-lebih lagi OKT2 sedang bercakap telefon pada masa tersebut. (rujuk kes *PP v Tan Tatt Eek* [2005] 4 CLJ 460 **dan kes Saabani Kigongobero & Anor v PP** [2014] 3 MLJ 858).

NIAT BERSAMA

[64]Seksyen 34 Kanun Keseksaan memperuntukkan apabila sesuatu perbuatan jenayah dilakukan oleh beberapa orang bagi mencapai niat bersama mereka semuanya, tiap-tiap seorang daripada mereka itu adalah bertanggung atas perbuatan yang sama seperti seolah-olah perbuatan itu telah dilakukan olehnya seorang.

[65]Dalam kes *Mahboob Shah v Emperor* AIR 1945 118, Privy Council, menjelaskan pemakaian seksyen 34 Kanun Keseksaan India yang mana ianya pari materia dengan seksyen 34 Kanun Keseksaan sebagaimana berikut:

Section 34 lays down a principle of joint liability in the doing of a criminal act. The section does not say "the common intention of all" not does it say "an intention common to all". Under the section, the essence of that liability is to be found in the existence of a common intention animating the respondent leading to the doing of a criminal act in furtherance of such intention. To invoke the aid of section 34 successfully, it must be shown that the criminal act complained against was done by one of the respondent persons in the furtherance of the common intention of all. If this is shown, then liability for the crime may be imposed on any one of the persons in the same manner as if the act were done by him alone.

[66]Berbalik kepada kes ini, keterangan yang menunjukkan kehadiran OKT-OKT sebelum tangkapan di kedai makan Ipoh Chicken Rice, OKT1 pergi ke kereta Nissan PGY 6811 dan mengeluarkan kotak P2, OKT2 pergi ke belakang kereta Nissan PGY 6811 dan mengambil kotak P2, OKT 2 ditangkap semasa dalam perjalanan balik semula ke kedai makan Ipoh Chicken Rice, adalah tidak memadai untuk membuktikan niat bersama di bawah seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[67]Daripada keterangan saksi-saksi pendakwaan, saya mendapati pihak pendakwaan telah gagal membuktikan hubungan antara OKT1 dan OKT2.

[68]Keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan tidak dapat membuktikan wujudnya niat bersama OKT 1 dan OKT 2 untuk memiliki dan mengedar dadah tersebut.

PENGEDARAN

[69]Memandangkan pihak pendakwaan telah gagal membuktikan elemen pemilikan, anggapan pengedaran di bawah Seksyen 37 (da) Akta Dadah Berbahaya 1952 tidak boleh dibangkitkan ke atas OKT1 dan OKT 2 (rujuk kes *PP v Alma Nudo Atenza v PP & Another Appeal* [2019] 5 CLJ 780).

RUMUSAN

[70]Setelah membuat penilaian maksima terhadap keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, saya mendapati bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes prima facie terhadap OKT 1 dan OKT 2 sebagaimana pertuduhan. Oleh itu OKT 1 dan OKT 2 dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan di akhir kes pendakwaan tanpa dipanggil membela diri. (Rujuk kes *Looi Chai & Anor V PP* [2003] 1 CLJ 734).

End of Document